



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 31 Mei 2023 (Rabu) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<p><b>Pegawai Kebajikan Diarah Tunjuk Sebab Ambil Anak Daripada Bapa</b></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempat-an/2023/05/30/pegawai-kebajikan-diarah-tunjuk-sebab-ambil-anak-daripada-bapa/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempat-an/2023/05/30/pegawai-kebajikan-diarah-tunjuk-sebab-ambil-anak-daripada-bapa/</a></p>	FMT
2	<p><b>Budak 6 Tahun Dipukul Bapa Angkara Kes Keganasan Rumah Tangga</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972420/budak-6-tahun-dipukul-bapa-angkara-kes-keganasan-rumah-tangga">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972420/budak-6-tahun-dipukul-bapa-angkara-kes-keganasan-rumah-tangga</a></p>	Harian Metro
3	<p><b>Remaja Kini Terdedah Kepada ‘Rasukan’ Jenayah Sadis</b></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/remaja-kini-terdedah-kepada-rasukan-jenayah-sadis/">https://www.buletintv3.my/nasional/remaja-kini-terdedah-kepada-rasukan-jenayah-sadis/</a></p>	Buletin TV3

4	<p><b>Budak Sesak Nafas Termakan Biskut Dicampur Ganja Dibuat Bapa</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1107877/budak-sesak-nafas-termakan-biskut-dicampur-ganja-dibuat-bapa">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1107877/budak-sesak-nafas-termakan-biskut-dicampur-ganja-dibuat-bapa</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/260932/berita/semasa/kanak-kanak-sesak-nafas-loya-termakan-biskut-ganja">https://www.sinarharian.com.my/article/260932/berita/semasa/kanak-kanak-sesak-nafas-loya-termakan-biskut-ganja</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972336/kanak-kanak-perempuan-sesak-nafas-pening-termakan-biskut-ganja-dibuat-bapa">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972336/kanak-kanak-perempuan-sesak-nafas-pening-termakan-biskut-ganja-dibuat-bapa</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-11-tahun-sesak-nafas-loya-selepas-termakan-biskut-ganja-buatan-bapa-421759">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-11-tahun-sesak-nafas-loya-selepas-termakan-biskut-ganja-buatan-bapa-421759</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/30/budak-11-tahun-sesak-nafas-termakan-biskut-ganja-buatan-bapanya/">https://malaysiagazette.com/2023/05/30/budak-11-tahun-sesak-nafas-termakan-biskut-ganja-buatan-bapanya/</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kanak-kanak-perempuan-sesak-nafas-termakan-biskut-bercampur-ganja-milik-bapa/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kanak-kanak-perempuan-sesak-nafas-termakan-biskut-bercampur-ganja-milik-bapa/</a></p> <p><a href="https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2023/05/30/padah-buat-biskut-campur-ganja-anak-11-tahun-alami-sesak-nafas">https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2023/05/30/padah-buat-biskut-campur-ganja-anak-11-tahun-alami-sesak-nafas</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/30/kanak-kanak-termakan-biskut-disyaki-dicampur-ganja-lelaki-direman/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/30/kanak-kanak-termakan-biskut-disyaki-dicampur-ganja-lelaki-direman/</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=wRt5pAwQNXc">https://www.youtube.com/watch?v=wRt5pAwQNXc</a></p> <p><a href="https://www.thesundaily.my/cerita/termakan-biskut-disyaki-campur-ganja-kanak-kanak-11-tahun-dimasukkan-ke-hospital-NE11041815">https://www.thesundaily.my/cerita/termakan-biskut-disyaki-campur-ganja-kanak-kanak-11-tahun-dimasukkan-ke-hospital-NE11041815</a></p> <p><a href="https://tvstv.my/2023/05/30/budak-perempuan-11-tahun-lalok-termakan-biskut-ganja-dibuat-bapa/">https://tvstv.my/2023/05/30/budak-perempuan-11-tahun-lalok-termakan-biskut-ganja-dibuat-bapa/</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/64436-kanak-kanak-sesak-nafas-termakan-biskut-ganja">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/64436-kanak-kanak-sesak-nafas-termakan-biskut-ganja</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/gara-gara-termakan-biskut-ganja-kanak-kanak-dimasukkan-ke-hospital/">https://www.buletintv3.my/nasional/gara-gara-termakan-biskut-ganja-kanak-kanak-dimasukkan-ke-hospital/</a></p>	<p><b>Berita Harian</b></p> <p><b>Sinar Harian</b></p> <p><b>Harian Metro</b></p> <p><b>Astro Awani</b></p> <p><b>Malaysia Gazette</b></p> <p><b>Utusan</b></p> <p><b>MStar</b></p> <p><b>FMT</b></p> <p><b>Buletin TV3</b></p> <p><b>The Sun Daily</b></p> <p><b>TVSTV</b></p> <p><b>Berita RTM</b></p> <p><b>Buletin TV3</b></p>
---	---	--

	<a href="https://wartaoriental.com/2023/05/30/kanak-kanak-perempuan-sesak-nafas-termakan-biskut-bercampur-ganja-milik-bapa/">https://wartaoriental.com/2023/05/30/kanak-kanak-perempuan-sesak-nafas-termakan-biskut-bercampur-ganja-milik-bapa/</a>	Warta Oriental
5	<b>Pengasuh Dera Kanak-Kanak 3 Tahun Didakwa</b> <a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/pengasuh-dera-kanak-kanak-3-tahun-didakwa/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/pengasuh-dera-kanak-kanak-3-tahun-didakwa/</a> <a href="https://www.youtube.com/watch?v=MqXb0a5x8oM">https://www.youtube.com/watch?v=MqXb0a5x8oM</a>	Kosmo Buletin TV3
6	<b>Ibu Cemas Alas Periuk Terlekat Di Leher Bayi</b> <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972342/ibu-cemas-alas-periuk-terlekat-di-leher-bayi">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972342/ibu-cemas-alas-periuk-terlekat-di-leher-bayi</a> <a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/ibu-cemas-besi-alas-periuk-tersangkut-pada-leher-bayi/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/ibu-cemas-besi-alas-periuk-tersangkut-pada-leher-bayi/</a> <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/260978/berita/semas-a/ibu-cemas-alas-periuk-besi-terlekat-di-leher-bayi">https://www.sinarharian.com.my/article/260978/berita/semas-a/ibu-cemas-alas-periuk-besi-terlekat-di-leher-bayi</a> <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/alas-periuk-besi-terlekat-di-leher-bayi/">https://www.buletintv3.my/nasional/alas-periuk-besi-terlekat-di-leher-bayi/</a>	Harian Metro Kosmo Sinar Harian Buletin TV3
7	<b>Cinta Tak Berbalas, Lelaki Disyaki Bunuh Wanita Warga Emas</b> <a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/30/cinta-tak-berbalas-lelaki-disyaki-bunuh-wanita-warga-emas/">https://malaysiagazette.com/2023/05/30/cinta-tak-berbalas-lelaki-disyaki-bunuh-wanita-warga-emas/</a> <a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1108173/akibat-cinta-tidak-berbalas-wanita-warga-emas-dibunuh">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1108173/akibat-cinta-tidak-berbalas-wanita-warga-emas-dibunuh</a> <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972590/cinta-tidak-berbalas-wanita-warga-emas-maut-dibunuh">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972590/cinta-tidak-berbalas-wanita-warga-emas-maut-dibunuh</a> <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/261061/berita/semas-a/cinta-tak-berbalas-punca-wanita-warga-emas-dibunuh">https://www.sinarharian.com.my/article/261061/berita/semas-a/cinta-tak-berbalas-punca-wanita-warga-emas-dibunuh</a> <a href="https://selangorkini.my/2023/05/lelaki-disyaki-bunuh-wanita-warga-emas-ekoran-cinta-tidak-berbalas/">https://selangorkini.my/2023/05/lelaki-disyaki-bunuh-wanita-warga-emas-ekoran-cinta-tidak-berbalas/</a>	Malaysia Gazette Berita Harian Harian Metro Sinar Harian Selangor Kini

	<p><a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/bunuh-wanita-warga-emas-atas-motif-cinta-tidak-berbalas-suspek-lelaki-akan-didakwa-esok/">https://www.buletintv3.my/jenayah/bunuh-wanita-warga-emas-atas-motif-cinta-tidak-berbalas-suspek-lelaki-akan-didakwa-esok/</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/cinta-tidak-berbalas-seorang-lelaki-disyaki-bunuh-wanita-warga-emas-421863">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/cinta-tidak-berbalas-seorang-lelaki-disyaki-bunuh-wanita-warga-emas-421863</a></p> <p><a href="https://www.malaysiakini.com/news/666997">https://www.malaysiakini.com/news/666997</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempat-an/2023/05/30/cinta-tak-berbalas-disyaki-punca-warga-emas-dibunuh/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempat-an/2023/05/30/cinta-tak-berbalas-disyaki-punca-warga-emas-dibunuh/</a></p> <p><a href="https://www.hotfm.audio/cinta-tak-berbalas-disyaki-punca-warga-emas-dibunuh/">https://www.hotfm.audio/cinta-tak-berbalas-disyaki-punca-warga-emas-dibunuh/</a></p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>FMT</p> <p>Hot FM</p>
8	<p><b>Wanita Tetak Suami Guna Pisau Pemotong Daging Direman 6 Hari</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/wanita-tetak-suami-guna-pisau-pemotong-daging-direman-6-hari/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/wanita-tetak-suami-guna-pisau-pemotong-daging-direman-6-hari/</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tetak-suami-dengan-pisau-pemotong-daging-wanita-direman-421828">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tetak-suami-dengan-pisau-pemotong-daging-wanita-direman-421828</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/wanita-tetak-suami-guna-pisau-pemotong-daging-direman-enam-hari/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/wanita-tetak-suami-guna-pisau-pemotong-daging-direman-enam-hari/</a></p> <p><a href="https://www.malaysiakini.com/news/666979">https://www.malaysiakini.com/news/666979</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempat-an/2023/05/30/tetak-suami-hingga-cedera-wanita-ditahan-polis/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempat-an/2023/05/30/tetak-suami-hingga-cedera-wanita-ditahan-polis/</a></p>	<p>Kosmo</p> <p>Astro Awani</p> <p>Utusan</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>FMT</p>
9	<p><b>Wanita Maut Digilis Pemandu Lori Positif Dadah</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/wanita-maut-digilis-pemandu-lori-positif-dadah/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/wanita-maut-digilis-pemandu-lori-positif-dadah/</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1108195/wanita-maut-digilis-lori-dipandu-lelaki-positif-dadah">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1108195/wanita-maut-digilis-lori-dipandu-lelaki-positif-dadah</a></p>	<p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p>
10	<p><b>Bekas Ratu Cantik Terima Gangguan Seksual Ratusan Lelaki Bangladesh</b></p>	

	<p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-ratu-cantik-terima-gangguan-seksual-ratusan-lelaki-bangladesh-421797">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-ratu-cantik-terima-gangguan-seksual-ratusan-lelaki-bangladesh-421797</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/260975/berita/semasa/bekas-ratu-cantik-terima-gangguan-seksual-ratusan-lelaki-bangladesh">https://www.sinarharian.com.my/article/260975/berita/semasa/bekas-ratu-cantik-terima-gangguan-seksual-ratusan-lelaki-bangladesh</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972378/bekas-ratu-cantik-terima-gangguan-seksual-ratusan-lelaki-bangladesh">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972378/bekas-ratu-cantik-terima-gangguan-seksual-ratusan-lelaki-bangladesh</a></p> <p><a href="https://wartaoriental.com/2023/05/30/bekas-ratu-cantik-terima-gangguan-seksual-daripada-ratusan-lelaki-bangladesh/">https://wartaoriental.com/2023/05/30/bekas-ratu-cantik-terima-gangguan-seksual-daripada-ratusan-lelaki-bangladesh/</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/ratu-cantik-terima-gangguan-seksual-ratusan-lelaki-bangladesh/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=ratu-cantik-terima-gangguan-seksual-ratusan-lelaki-bangladesh">https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/ratu-cantik-terima-gangguan-seksual-ratusan-lelaki-bangladesh/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=ratu-cantik-terima-gangguan-seksual-ratusan-lelaki-bangladesh</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/bekas-ratu-cantik-terima-gangguan-seksual-daripada-ratusan-lelaki-bangladesh/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/bekas-ratu-cantik-terima-gangguan-seksual-daripada-ratusan-lelaki-bangladesh/</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Kosmo</p> <p>Utusan</p>
11	<p><b>[VIDEO] Lelaki Warga Emas Cuba Jual Telefon Untuk Beli Beras</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/lelaki-warga-emas-cuba-jual-telefon-untuk-beli-beras/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/lelaki-warga-emas-cuba-jual-telefon-untuk-beli-beras/</a></p> <p><a href="https://mykmu.net/2023/05/31/lelaki-warga-emas-cuba-jual-telefon-untuk-beli-beras-buat-netizen-menangis-video/">https://mykmu.net/2023/05/31/lelaki-warga-emas-cuba-jual-telefon-untuk-beli-beras-buat-netizen-menangis-video/</a></p>	<p>Kosmo</p> <p>MYKMU</p>
12	<p><b>Rogol Dan Amang Seksual Terhadap Cucu, Warga Emas Dipenjara 10 Tahun, 14 Sebatan</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rogol-dan-amang-seksual-terhadap-cucu-warga-emas-dipenjara-10-tahun-14-sebatan-421823">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rogol-dan-amang-seksual-terhadap-cucu-warga-emas-dipenjara-10-tahun-14-sebatan-421823</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/warga-emas-dipenjara-10-tahun-rogol-amang-seksual-fizikal-dua-cucu-tiri/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/warga-emas-dipenjara-10-tahun-rogol-amang-seksual-fizikal-dua-cucu-tiri/</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Utusan</p>

	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=FIck-pCUAnM">https://www.youtube.com/watch?v=FIck-pCUAnM</a>	Astro Awani
	<a href="https://wartaoriental.com/2023/05/30/warga-emas-dipenjarakan-10-tahun-rogol-amang-seksual-fizikal-dua-cucu-tiri/">https://wartaoriental.com/2023/05/30/warga-emas-dipenjarakan-10-tahun-rogol-amang-seksual-fizikal-dua-cucu-tiri/</a>	Warta Oriental
13	<p>Tiada Lagi Wakil OKU Di Dewan Negara Selepas Khidmat Ras Adiba Tamat</p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/30/tiada-lagi-wakil-oku-di-dewan-negara-selepas-khidmat-ras-adiba-tamat">https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/30/tiada-lagi-wakil-oku-di-dewan-negara-selepas-khidmat-ras-adiba-tamat</a></p> <p><a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/30/mana-senator-baharu-wakil-oku-soal-kumpulan-advokasi/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/30/mana-senator-baharu-wakil-oku-soal-kumpulan-advokasi/</a></p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>FMT</p>
14	<p>Tidak Kekok 'Jelangan' Umum</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/05/972647/tidak-kekok-jelangan-umum">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/05/972647/tidak-kekok-jelangan-umum</a></p>	Harian Metro

## PEGAWAI KEBAJIKAN DIARAH TUNJUK SEBAB AMBIL ANAK DARIPADA BAPA

<https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/30/pegawai-kebijakan-diarah-tunjuk-sebab-ambil-anak-daripada-bapa/>

Sumber : Free Malaysia Today



PETALING JAYA: Hakim Mahkamah Tinggi di Kuantan mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Rompin kerana mengambil seorang kanak-kanak daripada bapanya yang mempunyai hak penjagaan sah.

Kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun itu terbabit dalam kes perebutan hak penjagaan yang sedang dibicarakan di hadapan hakim yang sama.

Gene Anand Vendargon, anggota pasukan guaman mewakili bapa berusia 43 tahun itu berkata, notis tunjuk sebab dikeluarkan semalam.

Hakim Zainal Azman Abdul Aziz mahu pegawai menjelaskan mengapa mereka mengambil kanak-kanak itu walaupun jabatan itu tahu mahkamah telah membenarkan permohonan habeas corpus oleh lelaki itu Khamis lepas.

Bapa itu, seorang penoreh getah dan nelayan, dipertemukan semula dengan anaknya selepas tujuh bulan terpisah.

Mahkamah telah menetapkan Khamis ini untuk pegawai jabatan itu hadir memberikan penjelasan di hadapan hakim.

“Kami akan berada di sana untuk mewakili lelaki itu semasa prosiding tunjuk sebab,” kata Vendargon kepada FMT.

Beliau berkata, pegawai terbabit pergi ke rumah lelaki itu, di penempatan Orang Asli di Rompin, pada Ahad dan mengambil kanak-kanak itu berdasarkan peruntukan dalam Akta Kanak-Kanak.

Katanya, ibu kanak-kanak itu, yang berusia 36 tahun, membuat laporan polis mendakwa kanak-kanak itu didera.

Majistret Pekan Wahidah Zainal Abidin semalam menolak permohonan jabatan itu untuk mendapatkan hak penjagaan sementara ke atas kanak-kanak itu.

“Pegawai mengemukakan kanak-kanak itu di hadapan majistret di Pekan untuk mendapatkan perintah jagaan sementara tetapi tidak dibenarkan,” kata Vendargon, yang hadir bersama S Kumeraselvam mewakili si bapa semasa prosiding.

Kanak-kanak itu kemudiannya diserahkan kepada bapanya.

Kanak-kanak itu anak kepada pasangan Orang Asli dan menurut sijil kelahirannya, tidak menganut mana-mana agama.

Vendargon berkata, pasangan itu bercerai mengikut amalan dan budaya suku Orang Asli, tetapi kanak-kanak itu berada bawah jagaan bapanya.

Pada Oktober tahun lepas, si ibu yang memeluk agama Islam telah mengambil anak tersebut tanpa pengetahuan mahupun keizinan bapanya.

Vendargon berkata, si ibu mendakwa bahawa kanak-kanak itu juga telah menukar agama, namun ini dipertikaikan.

## **BUDAK 6 TAHUN DIPUKUL BAPA ANGKARA KES KEGANASAN RUMAH TANGGA**

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972420/budak-6-tahun-dipukul-bapa-angkara-kes-keganasan-rumah-tangga>

**Sumber : Harian Metro**



Klang: Pengaruh alkohol, dadah dan gagal mendapatkan wang untuk membeli bahan terlarang daripada pasangan antara punca peningkatan kes keganasan rumah tangga di daerah Klang Selatan sehingga April lalu.

Statistik menunjukkan, majoriti mangsa keganasan rumah tangga adalah isteri, tidak kurang juga sebahagian mangsa keganasan ini dilepaskan kepada anak-anak kecil seawal usia enam tahun.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan Asisten Komisioner Cha Hoong Fong berkata, pihaknya membuka 16 kertas siasatan berkaitan kes keganasan rumah tangga di daerah ini dalam tempoh Januari hingga April lalu.

Menurutnya, jumlah kes terbabit menunjukkan peningkatan berbanding statistik tempoh sama tahun lalu iaitu sebanyak 12 kes.

"Daripada Januari hingga April lalu, polis sudah buka 16 kertas, jika dicampur dengan (laporan) kes bulan ini (Mei), mungkin sudah melebihi 20 kes.

"Antara kes yang kami terima, seorang suami dengan pengaruh alkohol, lepas minum kemudian mabuk lalu gagal kawal diri dan lepas geram kepada isteri," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan di sini, hari ini.

Menurut beliau, sebahagian besar mangsa keganasan rumah tangga membabitkan kes berulang.

Kata beliau, ia umpama menjadi kebiasaan kepada suspek untuk mencederakan mangsa.

"Terbaru, kami terima kes di Taman Pendar, Pandamaran pada dua hari lalu. Ia membabitkan kanak-kanak berumur enam tahun dipukul bapa kandung.

"Ibu mangsa melaporkan, kejadian seperti itu sudah beberapa kali berlaku," katanya.

Hoong Fong berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksan (KK), Seksyen 324 KK, Seksyen 326 KK dan Seksyen 506 KK.

"Mangsa keganasan rumah tangga dilindungi di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1984 yang terpakai kepada wanita, ahli keluarga lain dalam kalangan lelaki, kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas," katanya.

Beliau berkata, akta ini memperuntukkan tindakan perlindungan terhadap mangsa melalui Perintah Perlindungan Sementara (IPO) dikeluarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi kes membabitkan keganasan berbentuk fizikal.

Masyarakat diseru menyalurkan maklumat ke talian 03-33762222 untuk melaporkan kes sebegini atau hadir ke balai polis berhampiran.

"Selain itu, boleh hubungi Talian Kasih dan aplikasi WhatsApp di 019-2615999," katanya.

## **REMAJA KINI TERDEDAH KEPADA 'RASUKAN' JENAYAH SADIS**

<https://www.buletintv3.my/nasional/remaja-kini-terdedah-kepada-rasukan-jenayah-sadis/>

**Sumber : Buletin TV3**



**KUALA LUMPUR:** Jenayah sadis membabitkan golongan remaja kini makin dahsyat dan tidak berperikemanusiaan.

Jika isu ini tidak dibendung ia bakal mendatangkan kesan buruk kepada masa depan negara.

Banyak usaha dilakukan di semua peringkat untuk membendung kejatuhan akhlak membabitkan golongan ini. Namun pokok pangkalnya segala tindak tanduk remaja lahir daripada kewarasan akal mereka sendiri.

Antara jenayah kejam yang dilihat semakin menjadi-jadi termasuklah pembunuhan secara sadis, iaitu tikam, bakar, cekik, tembak, dan rogol.

Data yang diperolehi daripada Jabatan Penjara Malaysia (JPM) mendapati seramai 733 remaja ditempatkan di Sekolah Henry Gurney Teluk Mas; Melaka, Keningau; Sabah dan Puncak Borneo; Sarawak.

Manakala seramai 145 kanak-kanak berusia 10 hingga 17 tahun ditempatkan di Sekolah Tunas Bakti (STB) di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

kesemua mereka adalah golongan kanak-kanak dan remaja yang melakukan pelbagai jenayah berat dan ringan yang sedang menjalani proses hukuman dan pemulihan.

Kaunselor STB Mohamad Fuad Mohd Ali mendapati, pelbagai faktor yang mendorong kepada perilaku remaja yang bertindak melawan norma kehidupan ini.

Beliau berpendapat, penglibatan remaja dalam aktiviti komuniti yang menerapkan pengisian moral dan akhlak, dapat meningkatkan rasa percaya diri dan membendung mereka daripada melakukan perkara luar batas.

Sebelum ini, setiap remaja yang habis bersekolah mereka perlu wajib mengikuti Program Khidmat Negara atau PLKN, program ini banyak memberi penekanan dari isu disiplin, rohani.

“Melalui program khidmat masyarakat dan komuniti sebegini ia sekaligus membantu remaja belajar dan menguruskan emosi dengan baik dan lebih berkesan,” katanya.

Ada yang berpendapat kecenderungan melakukan jenayah boleh berpunca daripada keluarga, tekanan hidup, rakan, persekitaran, serta tiada tapisan dan kawalan dalam penggunaan media sosial.

Sementara itu, Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor berkata kelemahan pendidikan agama dan pengaruh media sosial menjadi punca berlakunya keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja.

Justeru, pihaknya mencadangkan pihak berwajib menambah pakar dan rawatan bagi merawat anak-anak muda yang mengalami masalah berkaitan psikologi.

Ibu bapa juga perlu sentiasa mendengar keluhan dan rintihan anak tentang masalah yang dihadapi selain membantu mereka mencari jalan penyelesaian.

## **BUDAK SESAK NAFAS TERMAKAN BISKUT DICAMPUR GANJA DIBUAT BAPA**

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1107877/budak-sesak-nafas-termakan-biskut-dicampur-ganja-dibuat-bapa>

**Sumber : Berita Harian**



IPOH: Seorang kanak-kanak perempuan 11 tahun dibawa ke hospital akibat sesak nafas selepas dipercayai termakan biskut dibuat bapanya yang disyaki dicampur ganja di Lawin, Gerik, malam tadi.

Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri, berkata pihaknya menerima laporan kejadian daripada pembantu perubatan Klinik Kesihatan Lawin pada jam 10.26 malam tadi, menyebut seorang kanak-kanak berusia 11 tahun mengalami sesak nafas, pening dan loya.

Mohd Yusri berkata, siasatan awal mendapati mangsa termakan biskut dipercayai dicampur ganja dibuat bapanya yang bekerja sebagai penoreh getah.

"Bapa kanak-kanak itu direman lima hari bermula hari ini manakala saringan ujian awal air kencing mendapati suspek berusia 38 tahun itu positif dadah jenis tetrahydrocannabinol (THC).

"Selepas dibawa ke Klinik Kesihatan oleh bapanya, mangsa dihantar ke Hospital Gerik dan seterusnya dirujuk ke Hospital Taiping untuk pemeriksaan dan rawatan selanjutnya.

"Keadaan kanak-kanak itu kini stabil," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 dan Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

## PENGASUH DERA KANAK-KANAK 3 TAHUN DIDAKWA

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/pengasuh-dera-kanak-kanak-3-tahun-didakwa/>

Sumber : Kosmo



JOHOR BAHRU – Penjaga pusat asuhan kanak-kanak swasta mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, di sini hari ini atas pertuduhan menganiaya seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun di bawah jagaannya, 22 Mei lalu.

Tertuduh, Ng Shu Tian, 24, membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa menganiaya kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun di bawah peliharaannya dengan cara yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal terhadap mangsa.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah pusat asuhan kanak-kanak swasta di Taman Molek, Johor Bahru kira-kira 4 petang pada 22 Mei lalu.

Bagi perbuatan itu, wanita berkenaan didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda RM50,000 atau kedua-duanya, jika disabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Umar Faiz Abdul Kohar manakala tertuduh diwakili peguam Chuah Shyue Chien dan Ooi Hong Ming.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin selain perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melapor diri di Balai Polis Bukit Gambir, Muar setiap bulan.

Ahmad Kamal menetapkan 27 Jun depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan serahan dokumen. -KOSMO! ONLINE

## **IBU CEMAS ALAS PERIUK TERLEKAT DI LEHER BAYI**

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972342/ibu-cemas-alas-periuk-terlekat-di-leher-bayi>

**Sumber : Harian Metro**



Tumpat: Suri rumah dari Taman SPP Kota Warisan di sini, berdepan detik cemas apabila leher bayi lelakinya terlekat alas periuk besi.

Pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tumpat menerima panggilan pada jam 3 petang semalam untuk bantuan tugas khas itu.

Komander operasi, Mohd Nazdy Mohd Nor berkata, dia bersama empat anggota lain tiba di rumah mangsa dan bayi lelaki berusia 14 bulan itu sedang menangis.

"Di lehernya terlekat besi alas periuk dan gagal dicabut ibunya sebelum segera menghubungi bomba.

"Kami menggunakan alat pemotong khas dan hampir lapan minit masa diambil sebelum besi pengalas periuk itu berjaya dipotong," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Mohd Nazdy berkata, bayi lelaki berkenaan tidak mengalami sebarang kecederaan dan difahamkan ibu mangsa juga tidak tahu bagaimana peralatan dapur itu boleh terlekat di leher bayinya.

Menurut beliau lagi, operasi bantuan khas kerap diterima dan pihaknya sentiasa bersiap siaga menjalankan tugas.

## CINTA TAK BERBALAS, LELAKI DISYAKI BUNUH WANITA WARGA EMAS

<https://malaysiagazette.com/2023/05/30/cinta-tak-berbalas-lelaki-disyaki-bunuh-wanita-warga-emas/>

Sumber : Malaysia Gazette



PORT DICKSON – Polis menahan seorang lelaki berusia 45 tahun disyaki menyebabkan kematian seorang wanita warga emas, di sebuah rumah di Batu 8 Jalan Pantai Teluk Kemang pada 9 Mei lalu.

Ketua Polis Daerah Port Dickson Supt Aidi Sham Mohamed berkata, lelaki tersebut ditahan di sebuah rumah di Kuala Klawang, Jelevu pada 16 Mei, kira-kira 12.05 tengah malam.

Beliau berkata susulan itu, kertas siasatan ‘mati mengejut’ berkaitan wanita berusia 67 tahun itu telah diklasifikasikan semula di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

“Polis turut merampas sebuah telefon bimbit. Motif pembunuhan adalah disebabkan cinta tidak berbalas,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata kertas siasatan dirujuk kepada Pengarah Timbalan Pendakwa Raya Negeri Sembilan dan telah mendapat arahan pertuduhan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan turut dituduh di bawah Seksyen 411 Kanun Keseksaan.

Aidi Sham berkata, lelaki itu dituduh di Mahkamah Majistret Port Dickson esok.

Polis sebelum ini melaporkan menerima maklumat seorang wanita ditemukan tidak sedarkan diri di sebuah bilik di sebuah rumah di Batu 8 Jalan Pantai Teluk Kemang di sini pada 9 Mei.

Pembantu Perubatan dari Hospital Port Dickson mengesahkan kematian tersebut pada 1.30 petang dan mayat kemudiannya dibawa ke Hospital untuk dibedah siasat. – BERNAMA

## WANITA TETAK SUAMI GUNA PISAU PEMOTONG DAGING DIREMAN 6 HARI

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/wanita-tetak-suami-guna-pisau-pemotong-daging-direman-6-hari/>

Sumber : Kosmo



KOTA BHARU – Seorang wanita ditahan reman selama enam hari selepas dipercayai menetak lengan kanan suaminya menggunakan pisau pemotong daging di rumah mereka di Pengkalan Chepa, di sini petang kelmarin.

Perintah reman yang bermula hari ini sehingga 4 Jun depan terhadap wanita berusia 30 tahun itu dikeluarkan oleh Majistret Mohammad Fitri Mokhtar di Mahkamah Majistret, di sini.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Mohd. Rosdi Daud berkata, pihaknya telah menerima satu laporan berkaitan kes mendatangkan cedera parah dengan senjata.

Menurutnya, berdasarkan keterangan bapa mangsa, lelaki berusia 31 tahun itu dipercayai ditetak oleh isterinya menggunakan pisau pemotong daging.

“Bertindak atas laporan yang diterima, suspek ditangkap di rumahnya di Pengkalan Chepa di sini kira-kira 3 petang semalam.

“Ujian saringan air kencing mendapati, suspek negatif dadah dan kes disiasat mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan,” katanya dalam satu kenyataan hari ini. – KOSMO! ONLINE

## WANITA MAUT DIGILIS PEMANDU LORI POSITIF DADAH

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/wanita-maut-digilis-pemandu-lori-positif-dadah/>

Sumber : Kosmo



KAJANG – Seorang wanita maut selepas digilis sebuah lori di Kilometer 11, Jalan Sg Lalang berhampiran Sekolah Kebangsaan Hulu Semenyih, di sini, petang tadi.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Mohd Zaid Hassan berkata, pihaknya menerima aduan kemalangan membabitkan sebuah motosikal dan sebuah lori pada pukul 3.26 petang.

Katanya, motosikal yang ditunggang wanita tempatan berusia 56 tahun ketika itu dalam perjalanan pulang ke rumah dari tempat kerjanya.

“Apabila tiba di tempat kejadian, mangsa yang cuba memotong di sebelah kiri lori telah bergesel dengan kenderaan tersebut lalu jatuh di atas jalan.

“Mangsa turut digilis oleh tayar belakang lori tersebut lalu mengalami kecederaan parah di bahagian kepala dan disahkan mati di tempat kejadian.

“Bagaimanapun, pemandu lori tidak mengalami sebarang kecederaan,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Menurut Zaid, Ujian air kencing terhadap suspek didapati positif dadah jenis methamphetamin.

Menurut beliau, kes diklasifikasikan mengikut Seksyen 44(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.


“Mana-mana individu yang mempunyai maklumat mengenai kejadian ini bolehlah menghubungi mana-mana Balai Polis yang berdekatan di daerah Kajang.

“Orang ramai juga boleh menghubungi pegawai penyiasat kes iaitu Ispektor Isa Ahmad di talian 016-4436149 bagi menyalurkan maklumat untuk membantu siasatan,” ujarnya. – KOSMO! ONLINE.

## **BEKAS RATU CANTIK TERIMA GANGGUAN SEKSUAL RATUSAN LELAKI BANGLADESH**

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-ratu-cantik-terima-gangguan-seksual-ratusan-lelaki-bangladesh-421797>

**Sumber : Astro Awani**



**JOHOR BAHRU:** Seorang ibu tunggal mendakwa berdepan gangguan seksual daripada lebih 200 lelaki warga Bangladesh selepas namanya diburuk-burukkan dan dijadikan bahan gurauan oleh seorang kenalan dalam media sosial, baru-baru ini.

Lee Guan Yoke, 41, yang pernah menang 10 pertandingan ratu cantik mendakwa, mula menerima gangguan seksual tersebut sejak 17 Mei lalu selepas berkenalan dengan seorang lelaki tempatan.

Menurutnya yang bekerja sebagai seorang pemandu pelancong, dunianya seakan berubah apabila terjumpa satu rakaman video live Facebook dibuat lelaki berkenaan yang seolah-olah 'menjual dirinya' kepada sekumpulan lelaki Bangladesh.

"Secara tiba-tiba saya menerima ratusan mesej dan panggilan telefon. Gangguan ini turut diterima melalui pelbagai platform media sosial.

"Semuanya daripada lelaki Bangladesh dengan kata-kata lucu dan sindiran. Ayat-ayat yang digunakan berbaur lucu dan gangguan seksual," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat MCA Johor di sini pada Selasa.

Gua Yoke berkata, keadaan tersebut membuatkan emosinya terganggu kerana menjejaskan nama baik dia dan juga keluarga malah sehingga pernah terfikir untuk membunuh diri.

"Ini juga mengganggu kerjaya dan kehidupan peribadi saya. Saya menjaga tiga anak kecil yang masih bersekolah," katanya.

Sehubungan itu, Guan Yoke telah membuat dua laporan polis berhubung gangguan tersebut, masing-masing satu laporan di Balai Polis Taman Universiti dan Balai Polis Ulu Tiram pada 18 dan 21 Mei lalu.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Biro Pengaduan Awam MCA Johor, Joan Ng Geok Yin memberitahu, pihaknya akan merujuk kes tersebut kepada agensi berkaitan agar dapat membela kesejahteraan mangsa.

"Kami sudah hubungi lelaki berkenaan, dia mengaku membuat rakaman live tersebut tetapi mendakwa ia hanya gurauan. Namun tindakannya itu telah mengganggu ketenteraman hidup mangsa yang juga merupakan seorang ibu tunggal.


"Jadi, kami berharap pihak berkuasa dapat bertindak dan memberi pembelaan terhadap mangsa kerana pada waktu ini rakaman video lelaki tersebut masih boleh ditonton di media sosial," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintenden Mohd Sohaimi Ishak mengesahkan pihaknya sudah menerima laporan polis berhubung kejadian berkenaan. -- *Sinar Harian*

## [VIDEO] LELAKI WARGA EMAS CUBA JUAL TELEFON UNTUK BELI BERAS

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/lelaki-warga-emas-cuba-jual-telefon-untuk-beli-beras/>

Sumber : Kosmo



PETALING JAYA – Gara-gara terdesak memerlukan wang untuk membeli beras, seorang lelaki warga emas cuba menjual sebuah telefon bimbit lama jenis Nokia.

Kisah sedih itu telah dikongsi oleh seorang peniaga kedai telefon dikenali sebagai Nor Asiah Khamis menerusi aplikasi TikTiknya.

Berdasarkan video tersebut, kelihatan lelaki warga emas itu membawa telefon bimbit yang diletakkan dalam plastik hitam.

“Pakcik nak jual telefon bimbit ini, pak cik nak pakai duit,”kata lelaki tersebut.

Bagaimanapun peniaga tersebut memberitahu bahawa kedainya tidak membeli telefon lama dan menurut penjual itu harga semasa telefon itu pun sekitar RM50 sahaja.

Lelaki tersebut kemudian membalas dengan mengatakan bahawa dapat RM20 pun jadilah supaya dia dapat membeli beras.

Peniaga tersebut tidak membeli telefon bimbit itu, namun telah memberi sedekah wang kepada lelaki berkenaan berjumlah RM300.

Difahamkan kisah sedih itu dirakam disebuah kedai telefon bimbit di negeri Kedah dan perkongsian oleh peniaga itu telah mendapat lebih 116,000 tanda suka dan lebih 4,170 kali dikongsi.

Susulan perkongsian itu, rata-rata pengguna sedih dengan nasib yang menimpa lelaki tersebut dan ada juga kalangan mereka yang sedia menghulurkan bantuan.

“Cari pakcik tu balik kami nak bgi sedekah, kesian dia,”tulis @BungaXSiram<sup>2</sup>.

“Sedekah geng mana tahu boleh serba sedikit ringankan beban ayah ni,”kata @nyelong.

Turut meninggalkan komen adalah seorang lagi pengguna dikenali sebagai @F | ف

“Terdiam seketika, ya Allah, aku malu. Tapi berikanlah kekuatan serta kebaikan dalam keluarga pakcik ni dan kak, moga bertambah rezeki ya,” doanya.- KOSMO! ONLINE

## **ROGOL DAN AMANG SEKSUAL TERHADAP CUCU, WARGA EMAS DIPENJARA 10 TAHUN, 14 SEBATAN**

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rogol-dan-amang-seksual-terhadap-cucu-warga-emas-dipenjara-10-tahun-14-sebatan-421823>

**Sumber : Astro Awani**



**KUALA TERENGGANU:** Seorang warga emas dihukum penjara 10 tahun dan 14 sebatan atas tuduhan merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua cucu tirinya.

Hukuman itu diputuskan hakim Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, Nooriah Osman selepas tertuduh didapati bersalah terhadap tiga pertuduhan tersebut.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh yang berusia 68 tahun didakwa merogol mangsa yang berusia tujuh tahun 11 bulan ketika kejadian.

Kesalahan itu dilakukan pada Oktober 2022 di sebuah rumah di daerah Kuala Terengganu antara jam 2 petang hingga 7 malam.

Bagi kesalahan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan.

Manakala bagi pertuduhan kedua dan ketiga tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa dan adik perempuannya yang berusia enam tahun lima bulan ketika kejadian.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di lokasi, waktu dan tarikh sama.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(d) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTKK) 2017 yang dibaca bersama seksyen 16 (1) akta sama.

Mahkamah kemudiannya memerintahkan hukuman penjara bagi pertuduhan pertama dan dua berjalan serentak.

Manakala hukuman penjara bagi pertuduhan ketiga bermula sejurus selesai menjalani hukuman penjara bagi pertuduhan pertama dan kedua.

Selain itu, tertuduh turut diarahkan berada dalam pengawasan polis selama satu tahun mengikut Seksyen 27 AKSTKK 2017 sejurus selesai menjalani hukuman penjara.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Intan Nor Hilwani Mat Rifin manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Asaari Salleh.

## **TIADA LAGI WAKIL OKU DI DEWAN NEGARA SELEPAS KHIDMAT RAS ADIBA TAMAT**

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/30/tiada-lagi-wakil-oku-di-dewan-negara-selepas-khidmat-ras-adiba-tamat>

**Sumber :Utusan Borneo**

KUCHING: Komuniti orang kurang upaya (OKU) tidak lagi diwakili oleh mana-mana senator di Dewan Negara setelah tamat tiga tahun Datuk Ras Adiba Mohd Radzi berkhidmat sebagai senator yang mewakili OKU.

Sehingga kini, masih tiada apa-apa pengumuman daripada pihak Kerajaan Malaysia Madani tentang proses pelantikan senator mewakili OKU bagi mengisi kekosongan tersebut.

"Boleh Space, SIUMAN serta beberapa organisasi OKU menyarankan supaya Kerajaan Malaysia Madani menambah baik proses pencalonan, saringan dan pelantikan secara terbuka dan telus bagi jawatan-jawatan senator mewakili OKU, ahli-ahli Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) serta ahli-ahli jawatankuasa-jawatankuasa teknikal di bawah MKBOKU.

"Mahupun berkaitan tempoh perkhidmatan senator ketiga yang mewakili OKU itu dilanjutkan.

"Kekosongan tersebut tidak wajar dibiarkan berpanjangan sebagaimana yang berlaku sebelum ini," kata satu kenyataan gabungan Boleh Space dan SIUMAN hari ini.

Tambah pihaknya, setelah pemergian Profesor Datuk Dr Ismail Md Salleh pada 2009, komuniti OKU Malaysia terpaksa menunggu selama empat tahun sebelum Bathmavathi Krishnan dilantik sebagai senator kedua mewakili OKU di Dewan Negara pada November 2013.

Tambahan pula, Bathmavathi menamatkan penggal kedua beliau pada November 2019, pelantikan senator ketiga yang memegang portfolio OKU mengambil masa beberapa bulan, ujar pihaknya lagi.

Sewajarnya, proses mencalon, pencalonan semula serta proses penilaian calon hendaklah bermula pada masa yang lebih awal bagi memastikan komuniti OKU sentiasa mempunyai wakil di Dewan Negara sebagaimana rakyat Malaysia lain yang diwakili.

Selain itu, proses pencalonan dan penilaian calon-calon senator seolah-olah sesuatu yang sulit.

Perkara ini bertentangan dengan prinsip ketelusan serta kebertanggungjawapan pemilihan dan pelantikan senator mewakili OKU tidak seharusnya dilakukan semata-mata berdasarkan politik identiti.

"Hanya jika seseorang calon itu merupakan OKU, tidak semestinya calon tersebut mampu mewakili kami secara berkesan.

"Sebaliknya, pemilihan dan pelantikan senator mewakili OKU hendaklah berdasarkan kualiti-kualiti penting sebagai suara utama kami di Parlimen," tegasnya.

Begitu juga halnya, proses dan maklumat berhubung pencalonan hendaklah dibuat secara terbuka, mudah difahami serta dalam format yang boleh diakses oleh seluruh rakyat Malaysia termasuk OKU.

“Kami berhak mengetahui bila dan bagaimana proses tersebut berlaku.

“Panggilan pencalonan hendaklah disebar menerusi pelbagai saluran media, termasuk media sosial,” katanya.

Maklumat profil setiap calon hendaklah dikongsikan dengan khalayak umum melalui platform yang mudah diakses oleh orang awam, terutama OKU.

## **TIDAK KEKOK 'JELINGAN' UMUM**

<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/05/972647/tidak-kekok-jelingan-umum>

**Sumber : Harian Metro**



Kuala Terengganu: "Saya anggap kehidupan ini adalah anugerah istimewa kerana dihadiahkan Allah SWT kepada saya sekeluarga berikutan saya, isteri dan dua anak semuanya kerdil," kata Mohd Afiq Fikri Firdaus Ibrahim dari Kampung Losong Masjid, dekat sini.

Menurut Mohd Afiq, 38, jodoh bersama isteri, Farihah Abd Ghani, 38, yang bekerja sebagai kakitangan awam dilihat satu aturan yang sudah ditetapkan Yang Maha Esa dalam kehidupannya.

Katanya, selain isteri yang sama dikategori orang kurang upaya (OKU) kerdil, dua anaknya, Aufa Fakhriya, 8, dan Muhammad Arfan, 13, turut dikategori yang sama berikutan tahap tumbesaran tidak seperti insan normal.

"Walaupun fizikal kami tidak seperti orang lain, namun alhamdulillah buat masa ini Allah SWT memberikan kesihatan yang baik kepada kami sekeluarga yang juga adalah satu anugerah dan nikmat daripadanya.

"Tidak dinafikan kehidupan sebagai OKU fizikal ini tidak terlepas daripada cemuhan, ejekan dan persepsi masyarakat, namun dalam menanganinya mental perlu kuat.

"Kehidupan ini boleh dikatakan 'keras' untuk melaluinya perlu kecekalan dan ketabahan ditambah pula saya sekeluarga dikategori sebagai OKU," katanya yang juga bekas atlet bola sepak paralimpik negara.



MOHD Afiq bersama anak bongsu, Aufa Fakhriya. FOTO Nazdy Harun

Dia yang berasal dari Bachok, Kelantan berkata, dirinya sudah lali dengan ejekan, namun dia tidak mengambil sikap mengabaikan kata-kata ejekan itu kerana baginya tiada yang sempurna melainkan Allah SWT.

Katanya, sejak kecil dia didedahkan dengan pergaulan bermasyarakat membuatnya tidak kekuk untuk berkawan dan bekerja dan konsep itu diterapkan kepada anak-anak.

Mohd Afiq berkata, ibu bapa yang mempunyai anak OKU sebolehnya tidak mengongkong anak mereka sebaliknya perlu memberi ruang kepada anak atau ahli keluarga untuk bergaul bersama masyarakat.

"Secara tidak langsung, anak atau ahli keluarga akan mudah menyesuaikan diri dalam masyarakat dan tidak berasakan diri mereka tersisih.

"Justeru, bagi saya yang memiliki keluarga istimewa ini sentiasa perlu berfikiran positif terutama apabila keluar beriadah bersama keluarga kerana tidak akan terlepas daripada 'jelingan' umum," katanya.



AUFA Fakhriya turut dikategori yang sama berikutan tahap tumbesaran tidak seperti insan normal. FOTO Nazdy Harun

Menceritakan kehidupannya, Mohd Afiq berkata, dia menjalankan perniagaan kecil-kecilan menjual peralatan memancing di lokasi pertandingan memancing di sekitar negeri ini.

Katanya, isterinya pula bertugas sebagai penjawat awam di sebuah jabatan kerajaan manakala anak sulungnya kini menuntut di sebuah mahad tahfiz di daerah ini dan anak bongsunya kini bersekolah di tahun dua.

Menurutnya, kerdil hanya pada fizikal dan jangan jadikan alasan kekurangan ini untuk kita malu berhadapan dengan masyarakat sedangkan Allah SWT masih memberikan kita akal fikiran yang waras.

"Kalau kami berempat duduk, paras ketinggian kami hampir sama dan ini membuatkan kami sering dilihat orang ramai apabila kami keluar bersama.

"Saya menerima takdir Allah SWT ini dengan penuh kesyukuran kerana setiap manusia mempunyai jalan hidup dan ujian berbeza-beza justeru sekiranya melihat insan-insan OKU diharap janganlah diejek atau dihina," katanya.